

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut;

NO. SEBUT HARGA : **JPSWPKL(SH) / PLSK / 05 / 2023**
TAJUK PROJEK : **KERJA-KERJA MEMBAIKI KEROSAKAN STRUKTUR PENUTUP GROSS POLLUTANT TRAP SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	CE	CE21 - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Jualan Dokumen Sebut Harga / Tender, Aras Bawah, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** mulai dari **19 JUN 2023 (Isnin)** hingga **26 JUN 2023 (Isnin)**.
4. Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat sebut harga / lawatan tapak. Taklimat sebut harga / lawatan tapak akan diadakan di **Bilik Mesyuarat, Blok B, Pejabat Lembaga Sungai Klang** pada **16 JUN 2023 (Jumaat)** pada jam **9.30 pagi**. Hanya **PENAMA** syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut. Sehubungan dengan itu, kontraktor diminta untuk memenuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.
5. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang telah menghadiri taklimat sebut harga / lawatan tapak atau wakil (surat wakil kuasa perlu disertakan) yang sah sahaja bagi **PENAMA** kontraktor yang telah menghadiri taklimat sebut harga / lawatan tapak. Untuk maksud ini kontraktor / wakil perlu membawa Sijil **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga beserta dengan Sesalinan Kad Pengenalan. Setiap salinan dokumen dan kad pengenalan hendaklah **DISAHKAN** (dicop dan ditandatangani) oleh Pengarah Syarikat. Hanya **SATU** wakil dibenarkan mewakili bagi **SATU** syarikat kontraktor.
6. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - NRECC - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
7. Sebut harga ini akan dijual pada **19 JUN 2023 (Isnin)** hingga **26 JUN 2023 (Isnin)** pada waktu operasi kaunter sebut harga yang ditetapkan.

ISNIN - KHAMIS : 9.00 PAGI – 12.30 TENGAHARI
2.30 PETANG – 4.00 PETANG
JUMAAT : 9.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI

8. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **26 JUN 2023 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum **atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. **Kontraktor Hendaklah Sentiasa Mengambil Perhatian Dan Mematuhi Langkah-Langkah Pencegahan Covid-19 Dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM Dan MKN Semasa Pembelian dan Penghantaran Dokumen Sebut Harga Ke JPSWPKL.**

.....
Nama : **HAIZUL BIN MOHAMMAD**
Jawatan : **Pengarah Operasi**
Tarikh : **Pejabat Lembaga Sungai Klang**
Jabatan Pengairan dan Saliran
8/6/2023